

**MENYELESAIKAN MASALAH  
PERANCANGAN JUJUKAN PEMASANGAN  
MENGUNAKAN ALGORITMA PENAPIS  
KALMAN DISELAKUKAN**

**AINIZAR BINTI MUSTAPA**

**UMP**

**SARJANA SAINS**

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

## UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

### PENGISYTIHARAN TESIS DAN HAKCIPTA

Nama Penuh Pengarang : AINIZAR BINTI MUSTAPA

Tarikh Lahir : 10 OKTOBER 1983

Tajuk : MENYELESAIKAN MASALAH PERANCANGAN JUJUKAN  
PEMASANGAN MENGGUNAKAN ALGORITMA PENAPIS  
KALMAN DISELAKUKAN

Sesi Akademik : SEMESTER 2 2019/2020

Saya mengakui bahawa tesis ini dikelaskan sebagai:

- SULIT (Mengandungi maklumat rahsia di bawah Akta Rahsia Rasmi 1997)\*
- TERHAD (Mengandungi maklumat yang dibatasi sebagaimana yang ditentukan oleh organisasi di mana kajian telah dilakukan)\*
- AKSES TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis saya akan diterbitkan sebagai akses terbuka dalam talian (Teks Penuh)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Pahang berhak seperti berikut:

1. Tesis ini adalah Hak Milik Universiti Malaysia Pahang
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang berhak membuat salinan tesis untuk tujuan kajian sahaja.
3. Perpustakaan mempunyai hak untuk membuat salinan tesis untuk pertukaran akademik.

Disahkan oleh:

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pelajar)

831010-06-5500

\_\_\_\_\_  
MyKad/Nombor Passport  
Tarikh:

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Penyelia)

Prof. Madya Dr. Zuwairie bin Ibrahim

\_\_\_\_\_  
Nama Penyelia  
Tarikh:

NOTA: \* Jika tesis SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat perisytiharan tesis.

## **PENGAKUAN PENYELIA**

Kami dengan ini mengisytiharkan bahawa kami telah menyemak tesis ini dan pada pendapat kami, tesis ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk penganugerahan Sarjana Sains.

---

(Tandatangan Penyelia)

Nama Penuh : PROF. MADYA. DR. ZUWAIKIE BIN IBRAHIM

Jawatan : PROFESOR MADYA

Tarikh :

---

(Tandatangan Penyelia Bersama)

Nama Penuh : ZULKIFLI BIN MD. YUSOF

Jawatan : PENSYARAH KANAN

Tarikh :

## **PENGAKUAN PELAJAR**

Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa kerja dalam tesis ini adalah berdasarkan kerja asal saya kecuali petikan yang telah diakui dengan sewajarnya. Saya juga mengisytiharkan bahawa ia tidak sebelum ini atau serentak diserahkan untuk ijazah lain di Universiti Malaysia Pahang atau mana-mana institusi lain.

---

(Tandatangan Pelajar)

Nama Penuh : AINIZAR BINTI MUSTAPA

Nombor Pelajar : MMF15009

Tarikh :



UMP

MENYELESAIKAN MASALAH PERANCANGAN JUJUKAN PEMASANGAN  
MENGUNAKAN ALGORITMA PENAPIS KALMAN DISELAKUKAN



AINIZAR BINTI MUSTAPA

Tesis yang dikemukakan sebagai memenuhi keperluan  
untuk penganugerahan Ijazah Sarjana Sains

UMP

Kolej Kejuruteraan

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

JULAI 2020

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T. kerana di atas limpah dan kurniaNya, tesis ini berjaya disiapkan walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. yang diutuskan Allah sebagai *rahmatan lil 'alamin*, guru dan contoh tauladan terbaik untuk manusia sepanjang zaman.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Zuwairie bin Ibrahim dan Encik Zulkifli bin Md. Yusof, selaku penyelia dan penyelia bersama atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan untuk kejayaan penghasilan tesis ini. Tidak dilupakan ribuan terima kasih kepada Dr. Ismail bin Ibrahim serta rakan-rakan seperjuangan kerana memberi inspirasi dan dorongan di sepanjang pengajian.

Terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana telah menganugerahkan saya biasiswa MyBrain15 bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana. Terima kasih juga kepada Kolej Kejuruteraan UMP, Kolej Teknologi Kejuruteraan (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik) UMP, serta Institut Pengajian Pasca Siswazah UMP atas panduan dan sokongan penuh terhadap kajian ini. Terima kasih kepada Isuzu Hicom Malaysia Sdn. Bhd. kerana memahami dan menyokong cita-cita saya sebagai seorang kakitangan syarikat yang berhasrat menyambung pelajaran ke peringkat Sarjana.

Jutaan penghargaan dan terima kasih kepada ibu (Puan Paridah), ayah (Allahyarham Mustapa), suami (Encik Rismayuddin), anak-anak (Aisyah Rayhana, Aminah Raysha dan Allahyarham Ahmad Raykarl) dan seluruh keluarga atas doa, kesabaran, sokongan, toleransi, cinta dan kasih sayang kalian, sehingga tesis dan pengajian ini berjaya disempurnakan.

Akhir kata, ucapan terima kasih ini ditujukan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga kajian dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

## ABSTRAK

Perancangan jujukan pemasangan (*Assembly Sequence Planning* - ASP) memainkan peranan penting dalam reka bentuk dan pembuatan produk. Jujukan pemasangan mempengaruhi keseluruhan produktiviti kerana ia menentukan kepantasan dan ketepatan produk itu dipasang. Objektif utama ASP adalah untuk menentukan jujukan pemasangan komponen untuk memendekkan masa pemasangan atau menjimatkan kos pemasangan. Walau bagaimanapun, ASP juga dikenali sebagai masalah pengoptimuman gabungan klasik yang sukar. Dengan peningkatan bilangan komponen bagi sesuatu produk, ASP menjadi lebih sukar dan algoritma berasaskan grafik tradisional tidak dapat menyelesaikannya dengan berkesan. Terdapat pelbagai metaheuristik yang wujud pada masa kini. Walau bagaimanapun, tidak semua metaheuristik dibangunkan untuk beroperasi di ruang carian diskret. Salah satu contoh algoritma metaheuristik ialah Kalman. Maka, bagi tujuan menyelesaikan masalah pengoptimuman gabungan (*Combinatorial Optimization Problem* - COP) yang diskret menggunakan metaheuristik serta menilai prestasi algoritma yang dicadangkan, satu kajian kes ASP telah dijalankan. Prestasi algoritma penapis Kalman diselakukan (*Simulated Kalman Filter* - SKF) lanjutan yang dinamakan penapis Kalman diselakukan binari (*Binary Simulated Kalman Filter* – BSKF), penapis Kalman diselakukan dimodulasi sudut (*Angle Modulated Simulated Kalman Filter* – AMSKF), dan penapis Kalman diselakukan dinilai jarak (*Distance-Evaluated Simulated Kalman Filter* - DESKF) dibandingkan dengan hasil kajian lalu yang menggunakan algoritma carian graviti binari (*Binary Gravitational Search Algorithm* - BGSA), algoritma pengoptimuman kerumunan zarah binari (*Binary Particle Swarm Optimization* - BPSO), algoritma carian graviti berbilang keadaan (*Multi-State Gravitational Search Algorithm* - MSGSA), algoritma carian graviti berbilang keadaan dengan peraturan tertanam (*Multi-State Gravitational Search Algorithm with an Embedded Rule* - MSGSAER), algoritma pengoptimuman kerumunan zarah berbilang keadaan (*Multi-State Particle Swarm Optimization* - MSPSO), dan algoritma pengoptimuman sekawan zarah berbilang keadaan dengan peraturan tertanam (*Multi-State Particle Swarm Optimization with an Embedded Rule* - MSPSOER) dalam menyelesaikan masalah ASP. Dengan menggunakan satu kajian kes ASP, hasil eksperimen menunjukkan AMSKF mengatasi BSKF, DESKF dan enam algoritma lain daripada kajian lalu dengan kelebihan sehingga 0.95% dalam mencari penyelesaian yang optimum.

## ABSTRACT

Assembly sequence planning (ASP) plays an important role in the product design and manufacturing. Assembly sequence influences overall productivity because it determines how fast and accurate the product is assembled. One of the main objective of ASP is to determine the sequence of component installation to shorten assembly time or save the assembly costs. However, ASP is also known as a classical hard combinatorial optimization problem. With the increasing of the quantity of product components, the ASP becomes more difficult and the traditional graph-based algorithm cannot solve it effectively. There are various metaheuristics exist in literature nowadays. However, not all metaheuristics were originally developed to operate in discrete search space. Example of metaheuristics algorithm is Kalman. In order to solve discrete combinatorial optimization problems (COPs) using metaheuristics, and evaluate the performances of the proposed algorithms, a case study of ASP is conducted. The performance of the extended Simulated Kalman Filter (SKF) named Binary Simulated Kalman Filter (BSKF), Angle Modulated Simulated Kalman Filter (AMSKF), and Distance Evaluated Simulated Kalman Filter (DESKF) are compared against previous studies which applied the Binary Gravitational Search Algorithm (BGSA), the Binary Particle Swarm Optimization (BPSO), the Multi-State Gravitational Search Algorithm (MSGSA), the Multi-State Gravitational Search Algorithm with an Embedded Rule (MSGSAER), the Multi-State Particle Swarm Optimization (MSPSO), and the Multi-State Particle Swarm Optimization with an Embedded Rule (MSPSOER) in solving ASP problem. Using a case study of ASP, the experimental results showed the AMSKF outperformed the BSKF, the DESKF and the six other approaches from previous studies by up to 0.95% in finding the optimal solutions.

The logo for UMP (Universiti Malaysia Perlis) is a large, stylized letter 'V' shape. The left side of the 'V' is light blue, the right side is light green, and the bottom point is a darker blue. The letters 'UMP' are written in white, bold, sans-serif font across the center of the 'V'.



# KANDUNGAN

<b>PENGAKUAN</b>	
<b>TAJUK</b>	
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	iv
<b>KANDUNGAN</b>	v
<b>SENARAI JADUAL</b>	vii
<b>SENARAI RAJAH</b>	ix
<b>SENARAI SIMBOL</b>	x
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xi
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Skop Kajian	4
1.5 Manfaat Kajian	4
1.6 Ringkasan Tesis	5
<b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR</b>	6
2.1 Pengenalan	6
2.2 ASP	6
2.3 Kekangan ASP	7
2.4 Objektif ASP	9
2.5 ASP untuk Mengurangkan Masa Pemasangan	15
2.6 Model Matematik	16


2.7	Pengoptimuman Kawanan Zarah (PSO)	19
2.8	Algoritma Carian Graviti (GSA)	21
2.9	Algoritma Penapis Kalman	24
2.10	Algoritma Penapis Kalman Diselakukan (SKF)	27
2.11	Ringkasan	30
<b>BAB 3 METODOLOGI</b>		<b>31</b>
3.1	Pengenalan	31
3.2	Algoritma Penapis Kalman Simulasi Binari (BSKF)	32
3.3	Algoritma Penapis Kalman Diselakukan Modulasi Sudut (AMSKF)	33
3.4	Algoritma Penapis Kalman Diselakukan Dinilai Jarak (DESKF)	34
3.5	Aplikasi Algoritma SKF Lanjutan dalam ASP	48
3.6	Parameter bagi BSKF, AMSKF, dan DESKF untuk ASP	46
3.7	Ringkasan	46
<b>BAB 4 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN</b>		<b>47</b>
4.1	Pengenalan	47
4.2	Keputusan Aplikasi BSKF, AMSKF, dan DESKF untuk ASP	48
4.3	Keputusan Aplikasi BSKF, AMSKF, dan DESKF dibandingkan dengan algoritma lain untuk ASP	51
4.4	Ringkasan	56
<b>BAB 5 KESIMPULAN</b>		<b>58</b>
5.1	Kesimpulan	58
5.2	Sumbangan Kajian	59
5.3	Cadangan untuk Masa Hadapan	60
<b>RUJUKAN</b>		<b>62</b>
<b>LAMPIRAN A SENARAI PENERBITAN</b>		<b>77</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	PM bagi Rajah 2.2	8
Jadual 2.2	Ringkasan kajian ASP menggunakan kaedah pengkomputeran (2000-2016)	12
Jadual 3.1	PM untuk kajian kes	40
Jadual 3.2	CT bagi pelbagai komponen dalam pemasangan	41
Jadual 3.3	Parameter eksperimen untuk pendekatan yang dicadangkan berdasarkan BSKF, AMSKF, dan DESKF dengan 10, 20, 30 agen, untuk 1,000 dan 5,000 lelaran	46
Jadual 4.1	Keputusan untuk kaedah yang dicadangkan berdasarkan kepada BSKF untuk 1,000 lelaran.	48
Jadual 4.2	Keputusan untuk kaedah yang dicadangkan berdasarkan kepada AMSKF untuk 1,000 lelaran.	48
Jadual 4.3	Keputusan untuk kaedah yang dicadangkan berdasarkan kepada DESKF untuk 1,000 lelaran.	48
Jadual 4.4	Keputusan untuk kaedah yang dicadangkan berdasarkan kepada BSKF untuk 5,000 lelaran	49
Jadual 4.5	Keputusan untuk kaedah yang dicadangkan berdasarkan kepada AMSKF untuk 5,000 lelaran	49
Jadual 4.6	Keputusan untuk kaedah yang dicadangkan berdasarkan kepada DESKF untuk 5,000 lelaran	49
Jadual 4.7	Kompilasi keputusan terbaik kaedah yang dicadangkan berdasarkan BSKF, AMSKF, dan DESKF	49
Jadual 4.8	Keputusan terbaik dan jujukan pemasangan yang berkaitan dengan kaedah yang dicadangkan berdasarkan BSKF, AMSKF, dan DESKF	50
Jadual 4.9	Parameter yang digunakan untuk pendekatan yang dicadangkan berdasarkan BPSO, MSPSO, MSPSOER, BGSA, MSGSA dan MSGSAER	52
Jadual 4.10	Keputusan daripada kaedah yang dicadangkan berdasarkan BPSO, MSPSO, MSPSOER, BGSA, MSGSA dan MSGSAER bersama kaedah baru yang dicadangkan berdasarkan BSKF, AMSKF, dan DESKF	53

Jadual 4.11 Keputusan mengikut turutan terbaik dan jujukan pemasangan yang berkaitan dengan pendekatan yang dicadangkan berdasarkan BPSO, MSPSO, MSPSOER, BGSA, MSGSA dan MSGSAER terhadap pendekatan yang dicadangkan berdasarkan BSKF, AMSKF, dan DESKF.

55



## SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Contoh pandangan meletup bagi proses pemasangan	7
Rajah 2.2	PD bagi pemasangan	8
Rajah 2.3	Kekerapan objektif ASP seperti yang diterbitkan dalam kertas kajian	11
Rajah 2.4	Algoritma metaheuristik untuk ASP	14
Rajah 2.5	Algoritma PSO	20
Rajah 2.6	Algoritma GSA	22
Rajah 2.7	Kitaran penapis Kalman yang berterusan	27
Rajah 2.8	Carta alir algoritma SKF	30
Rajah 3.1	Carta alir kaedah penyelidikan yang dijalankan	31
Rajah 3.2	Fungsi pemetaan	32
Rajah 3.3	Carta aliran algoritma BSKF	33
Rajah 3.4	Contoh plot $g(x)$	34
Rajah 3.5	Carta alir algoritma AMSKF	35
Rajah 3.6	Kedudukan ejen. (a) Pada permulaan proses carian (b) Semasa tengah-tengah proses carian (c) Pada akhir proses carian	36
Rajah 3.7	Carta alir algoritma DESKF	38
Rajah 3.8	Contoh jujukan pemasangan yang diwakili oleh zarah	38
Rajah 3.9	PD untuk kajian kes	39
Rajah 3.10	Proses pembentukan jujukan pemasangan setiap zarah atau ejen yang boleh diperbaiki untuk BSKF	43
Rajah 3.11	Proses pembentukan jujukan pemasangan setiap zarah atau ejen yang boleh diperbaiki untuk AMSKF	44
Rajah 3.12	Proses pembentukan jujukan pemasangan setiap zarah atau ejen yang boleh diperbaiki untuk DESKF	45
Rajah 4.1	Keputusan masa pemasangan minimum (Min) untuk kaedah yang dicadangkan berdasarkan BPSO, MSPSO, MSPSOER, BGSA, MSGSA dan MSGSAER, serta kaedah baru yang dicadangkan berdasarkan BSKF, AMSKF, dan DESKF	54
Rajah 5.1	ASP menggunakan algoritma metaheuristik	61

## SENARAI SIMBOL

$A$	Matrik pertukaran keadaan
$A_a$	Masa pemasangan
$B$	Matrik yang berkaitan dengan input kawalan pilihan kepada keadaan
$\beta$	Pemalar $\beta$
$G$	Pemalar graviti
$H$	Matrik yang mentafsir pemetaan dari vektor keadaan kepada vektor pengukuran
$K_t$	Perolehan Kalman
$P_{t-1}$	Anggaran ko-varian pada masa $t-1$
$P_{t t-1}$	Jangkaan (keutamaan) anggaran ko-varian
$P_t$	Terkini (kebarangkalian) anggaran ko-varian
$Q$	Ko-varian proses yang mempengaruhi ralat disebabkan proses
$R$	Ko-varian pengukuran yang mempengaruhi bunyi dari pengukuran
$rand$	Nombor rawak
$\omega$	Berat inersia
$X_{best}(t)$	Nilai layak yang terbaik dari setiap lelaran
$X_{true}$	Penyelesaian terbaik (sehingga kini)
$\hat{x}_{t-1}$	Keadaan anggaran [ada masa $t-1$
$\hat{x}_{t t-1}$	Jangkaan (keutamaan) anggaran keadaan
$\hat{x}_t$	Terkini (kebarangkalian) anggaran keadaan
$\psi$	Set komponen yang telah dipasang

## SENARAI SINGKATAN

ACO	<i>Ant Colony Optimization</i> Pengoptimuman koloni semut
AMSKF	<i>Angle Modulated Simulated Kalman Filter</i> Penapis Kalman diselakukan dimodulasi sudut
ASP	<i>Assembly Sequence Planning</i> Perancangan jujukan pemasangan
AUTOPASS	<i>Automated Parts Assembly System</i> Sistem pemasangan bahagian automatik
BGSA	<i>Binary Gravitational Search Algorithm</i> Algoritma carian graviti binari
BPSO	<i>Binary Particle Swarm Optimization</i> Pengoptimuman kerumunan zarah binari
BSKF	<i>Binary Simulated kalman Filter</i> Penapis Kalman diselakukan binari
CAD	<i>Computer-Aided Design</i> Sistem reka bantu komputer
CEC	<i>Congress on Evolutionary Computation</i> Kongres untuk pengiraan evolusi
COP	<i>Combinatorial optimization problem</i> Masalah pengoptimuman gabungan
CT	<i>Coefficient Table</i> Jadual kerangka
DESKF	<i>Distance-Evaluated Simulated Kalman Filter</i> Penapis Kalman diselakukan dinilai jarak
GA	<i>Genetic Algorithm</i> Algoritma genetik
GDP	<i>Geometric design processor</i> Pemproses rekaan geometri
GSA	<i>Gravitational Search Algorithm</i> Algoritma carian graviti
GSAA	<i>Combination GA and SA</i> Kombinasi GA dan SA

GSACO	<i>Combination GA, SA and ACO</i> Kombinasi GA, SA dan ACO
IA	<i>Immune Algorithm</i> Algoritma imun
MA	<i>Memetic Algorithm</i> Algoritma pemikiran
MSGSA	<i>Multi-State Gravitational Search Algorithm</i> Algoritma carian graviti berbilang keadaan
MSGSAER	<i>Multi-State Gravitational Search Algorithm with an Embedded Rule</i> Algoritma carian graviti berbilang keadaan dengan peraturan tertanam
MSPSO	<i>Multi-State Particle Swarm Optimization</i> Pengoptimuman kerumunan zarah berbilang keadaan
MSPSOER	<i>Multi-State Particle Swarm Optimization with an Embedded Rule</i> Pengoptimuman kerumunan zarah berbilang keadaan Dengan peraturan tertanam
PADL	<i>Part and assembly description language</i> Bahasa penerangan bahagian dan perhimpunan
PD	<i>Precedence Diagram</i> Rajah utama
PM	<i>Precedence matrix</i> Matrik utama
PSO	<i>Particle Swarm Optimization</i> Pengoptimuman kerumunan zarah
PSOSA	<i>Combination PSO and SA</i> Kombinasi PSO dan SA
SA	<i>Simulated Annealing</i> penyepuhlindungan diselakukan
SKF	<i>Simulated Kalman Filter</i> Penapis Kalman diselakukan
TSP	<i>Travelling Salesman Problem</i> Masalah jurujual mengembara



## **BAB 1**

### **Pengenalan**

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Sebagai persediaan dalam mendepani persaingan global yang mencabar pada hari ini, pengeluar dan pengilang terlebih dahulu telah mengambil langkah bijak memilih untuk mengurangkan kos produk mereka secara berperingkat-peringkat sejak beberapa tahun yang lalu. Ada banyak cara yang boleh diaplikasikan untuk mencapai matlamat mengurangkan kos sesuatu produk. Antaranya, kaedah perancangan pemasangan iaitu cara yang terbukti mampu mengurangkan masa pemasangan sesuatu produk, seterusnya memberi kesan kepada pengurangan kos pemasangan produk dan pengurangan keseluruhan kos produk.

Proses pemasangan dilihat sebagai prosedur yang penting dalam industri pemasangan. Hampir 50% daripada keseluruhan masa pengeluaran sesuatu produk adalah masa untuk proses pemasangan. Dan, 20% daripada keseluruhan kos produk yang dihasilkan adalah kos untuk proses pemasangan. Perancangan pemasangan sesuatu produk daripada beberapa komponen dapat didefinisikan sebagai pencarian jalan penyelesaian terbaik bagi pemasangan dengan mengambil kira semua konfigurasi yang mungkin bagi satu set komponen yang terlibat. Keadaan permulaannya merupakan konfigurasi di mana semua komponen terpisah antara satu sama lain. Manakala, keadaan penamat atau matlamatnya adalah semua komponen dipasang dengan betul untuk membentuk produk yang diinginkan. Gerakan mengubah satu keadaan menjadi keadaan yang seterusnya adalah sesuai dengan operasi pemasangan yang pastinya perlu menukar kedudukan relatif sekurang-kurangnya satu kali. Kebiasaannya, banyak set jujukan

pemasangan berlainan akan didapati dari keadaan awal hingga keadaan penamat perancangan pemasangan.

Jujukan kepada operasi padanan yang dilakukan untuk memasang satu set komponen seringkali tergendala disebabkan keadaan geometri dan mekanikal komponen-komponen tersebut, konfigurasi pemasangan, serta kestabilan sub-pemasangan yang dihasilkan. Keputusan yang melibatkan teknologi pembuatan pemasangan alternatif, peralatan untuk rekabentuk sistem pembuatan pemasangan, dan kaedah untuk pelaksanaan sistem pemasangan adalah cabaran utama yang kini dihadapi para jurutera pengeluaran. Maka, lebih banyak pendekatan sistematik yang diperlukan untuk analisis, rekabentuk dan perancangan sistem pemasangan bagi meningkatkan prestasi pemasangan dan memastikan pelaksanaan pelan untuk mencapai kos yang efektif berjaya.

Jujukan pemasangan satu set komponen akan menentukan kelajuan dan ketepatan pemasangan produk, seterusnya mempengaruhi prestasi produktiviti. Pengoptimuman pemasangan dalam peringkat perancangan pengeluaran berkaitan dengan penentuan jujukan pemasangan optimum dan penentuan lokasi optimum bagi setiap sumber. Beberapa penyelidik telah mendedikasikan kerja mereka berkenaan beberapa isu penting berkaitan analisis kejuruteraan yang dijalankan serentak pada perancangan jujukan pemasangan (*Assembly Sequence Planning - ASP*). Isu-isu ini merangkumi perkara berkaitan produk-produk yang akan dipasang, penjanaan pelan jujukan pemasangan dan penentuan kekangan utama dalam pemasangan, perwakilan pelan jujukan pemasangan yang dihasilkan dan pemilihan ASP yang optimum.

Dalam industri pengeluaran yang sebenar, menyelesaikan masalah ASP adalah perkara yang sangat penting kerana ia akan menentukan banyak aspek pemasangan iaitu perubahan peralatan, rekabentuk lekapan dan kebebasan pemasangan. Secara praktikal, tenaga kerja manual, automasi tetap, dan automasi fleksibel sering digabungkan dalam sistem pembuatan moden untuk menjimatkan kos dan memenuhi permintaan pasaran.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Masalah pengoptimuman gabungan khas memerlukan interaksi antara jurutera atau dikenali sebagai pakar sistem interaktif dengan maklumat rekabentuk produk untuk mencari jujukan pemasangan optimum dan munasabah. Walau bagaimanapun,

kekurangan maklumat sokongan dalam model produk yang disebabkan oleh banyak maklumat berkaitan rekabentuk pemasangan tidak dapat diterangkan dan disimpan, sukar bagi para jurutera mencari jujukan pemasangan yang optimum dalam sebilangan besar jujukan pemasangan yang mungkin. Tambahan pula, amat sukar untuk merumuskan jujukan pemasangan dengan sejumlah besar jujukan pemasangan yang mungkin tanpa sebarang kesilapan. Justeru, banyak kajian terhadap sistem ASP berdasarkan kemampuan penalaran geometri dan automatik penuh telah giat dijalankan.

Banyak algoritma metaheuristik telah digunakan untuk masalah ASP seperti algoritma carian graviti (*Gravitational Search Algorithm - GSA*) dan pengoptimuman kerumunan zarah (*Particle Swarm Optimization - PSO*). Walau bagaimanapun, kelemahan yang ada pada algoritma-algoritma tersebut seperti kadar penumpuan yang rendah dan kadar pengiraan yang terhad telah membuka ruang untuk penambahbaikan untuk dilakukan oleh algoritma baru.

Algoritma metaheuristik baru bernama penapis Kalman diselakukan (*Simulated Kalman Filter - SKF*) yang mempunyai keupayaan meramal, mengukur dan menganggar, belum pernah diaplikasikan untuk ASP dalam mana-mana kajian. Motivasi kajian ini adalah untuk mengaplikasikan SKF untuk menyelesaikan masalah ASP bagi mendapatkan penyelesaian optimum yang menampung kekurangan algoritma-algoritma sebelum ini.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan dengan panduan objektif seperti yang berikut:

1. Untuk mengaplikasikan algoritma SKF lanjutan bagi menyelesaikan masalah pengoptimuman gabungan diskret iaitu ASP.
2. Untuk menganalisis prestasi dan pencapaian algoritma SKF lanjutan dalam menyelesaikan masalah ASP.

## 1.4 Skop Kajian

Skop kerja ini termasuk yang berikut:

1. Dalam kajian ini, aplikasi algoritma SKF lanjutan digunakan untuk menyelesaikan masalah ASP. Oleh kerana masalah ASP sahaja yang dipertimbangkan dalam kajian ini, maka algoritma SKF lanjutan adalah sesuai digunakan kerana ia direka untuk masalah objektif tunggal, bukan objektif pelbagai.
2. Bilangan komponen yang akan dipasang untuk kajian ini adalah 19. Bilangan komponen ini adalah sama dengan yang digunakan dalam kajian terdahulu apabila menggunakan algoritma metaheuristik bagi masalah ASP.
3. Kajian kes dari variasi masalah ASP yang dipilih untuk kajian ini adalah gabungan matrik utama (*Precedence Matrix* – PM) (Choi et al, 1997), jadual kerangka (*Coefficient Jadual* – CT) (Choi et al, 1997) dan Rajah utama (*Precedence Diagram* – PD) (Choi, Lee & Cho, 2008) . Kajian kes ini adalah sama dengan yang digunakan dalam kajian terdahulu apabila menggunakan algoritma metaheuristik kepada masalah ASP. Kemudian, hasil kajian terdahulu akan dirujuk untuk perbandingan dengan hasil kajian ini.
4. Pelbagai platform boleh digunakan untuk melaksanakan algoritma yang dicadangkan seperti MATLAB, Java, dan Visual Basic. Dalam kajian ini, MATLAB dipilih sebagai platform untuk melaksanakan dan mengesahkan algoritma yang dicadangkan.

## 1.5 Manfaat Kajian

Kajian ini menyumbang dalam menyampaikan gambaran menyeluruh mengenai keputusan pencapaian dalam kajian ini untuk mengukur prestasi SKF binari (*Binary SKF* - BSKF), SKF dimodulasi sudut (*Angle Modulated Simulated Kalman Filter* – AMSKF), dan SKF dinilai jarak (*Distance-Evaluated Simulated Kalman Filter* - DESKF), berbanding dengan kajian-kajian sebelumnya bagi algoritma carian graviti binari (*Binary Gravitational Search Algorithm* - BGSA), algoritma pengoptimuman kerumunan zarah binari (*Binary Particle Swarm Optimization* - BPSO), algoritma carian graviti berbilang keadaan (*Multi-State Gravitational Search Algorithm* - MSGSA), algoritma carian graviti berbilang keadaan dengan peraturan tertanam (*Multi-State Gravitational Search*

*Algorithm with an Embedded Rule - MSGSAER*), algoritma pengoptimuman kerumunan zarah berbilang keadaan (*Multi-State Particle Swarm Optimization - MSPSO*), dan algoritma pengoptimuman sekawan zarah berbilang keadaan dengan peraturan tertanam (*Multi-State Particle Swarm Optimization with an Embedded Rule - MSPSOER*) dalam menyelesaikan masalah ASP.

## **1.6 Ringkasan Tesis**

Tesis ini terdiri daripada 5 bab. Bab 1 bermula dengan pembentangan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, skop dan manfaat kajian .

Bab 2 mengandungi penjelasan ASP sebagai masalah pengoptimuman gabungan diskret dalam kajian ini. Ini diikuti dengan penjelasan tentang aplikasi algoritma metaheuristik untuk menyelesaikan ASP.

Bab 3 menjelaskan bagaimana algoritma yang dinamakan BSKF, AMSKF, dan DESKF khusus digunakan untuk menyelesaikan masalah diskret seperti dalam ASP. Seterusnya, metodologi kajian memberikan gambaran bagaimana kajian ini dijalankan.

Bab 4 membentangkan hasil pengoptimuman algoritma; BSKF, AMSKF, dan DESKF dalam menyelesaikan ASP. Kemudian, hasil daripada kajian-kajian sebelumnya yang mengaplikasikan BGSA, BPSO, MSPSO, MSPSOER, MSGSA dan MSGSAER untuk menyelesaikan masalah ASP dirujuk dan dibentangkan. Untuk menganalisis keputusan kajian yang dihasilkan oleh algoritma-algoritma dalam menyelesaikan ASP, hasil terbaik bagi setiap algoritma telah diambil untuk perbandingan.

Bab 5 membincangkan dan menyimpulkan sumbangan hasil kajian. Akhirnya, bab ini membincangkan cadangan mengenai kajian masa hadapan.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan


Bab ini memberikan penerangan ringkas masalah utama dalam kajian ini; masalah pengoptimuman gabungan diskret yang dinamakan perancangan jujukan pemasangan atau ASP. Ia diikuti dengan penerangan aplikasi algoritma metaheuristik bagi menyelesaikan masalah ASP.

#### 2.2 Perancangan Jujukan Pemasangan (ASP)

Pemasangan memainkan peranan penting dalam pembuatan produk. Komponen-komponen yang disusun secara berasingan lokasi dan dimensi bagi memenuhi spesifikasi yang dirancang telah dipasang untuk mendapatkan satu konfigurasi yang mencapai fungsi produk atau mekanisma akhir produk tersebut. Kepentingan penjimatan kos pemasangan dalam proses pembuatan telah membawa kepada usaha yang luas untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pada kos pemasangan. Rajah 2.1 menunjukkan contoh pandangan bercerai untuk proses pemasangan, di mana komponen-komponen pemasangan diletakkan berasingan. Namun, ia sesuai bersama dan sepadan apabila dipasang.

ASP adalah salah satu bahagian kritikal dalam proses pemasangan. ASP merujuk kepada tugas penganjur iaitu heuristik spesifik mereka dalam mengumpul setiap komponen dan menguasai jujukan pemasangan tertentu. Dalam model pemasangan produk, ASP menentukan jujukan pemasangan komponen untuk memendekkan masa pemasangan atau menjimatkan kos pemasangan. ASP dianggap sebagai masalah pengoptimuman gabungan yang sangat besar dan sangat terhad kerana hampir tidak

mungkin untuk menjana dan menilai semua jujukan yang sesuai untuk mendapatkan jujukan optimum, samada dengan interaksi manusia atau melalui program komputer.



Rajah 2.1 Contoh pandangan meletup bagi proses pemasangan


Ruang susunatur meningkat apabila bilangan komponen bertambah dalam ASP. Pertimbangkan situasi dengan enam komponen yang boleh dipasang. Untuk keadaan ini, jumlah jalan penyelesaian jujukan pemasangan yang boleh dibayangkan diberikan oleh  $s = 6!$  yang bersamaan dengan 720 penyelesaian. Apabila kuantiti komponen berkembang kepada tujuh, jumlah penyelesaian jujukan bagi pemasangan yang boleh dibayangkan adalah  $7! = 5,040$ . Walau bagaimanapun, dalam proses pemasangan yang sebenar, terdapat juga kekangan yang perlu dipertimbangkan untuk menjana jujukan pemasangan.

### 2.3 Kekangan ASP

Seperti yang dinyatakan oleh Marian R (2003), terdapat dua jenis kekangan dalam pemasangan, iaitu 'kekangan mutlak' dan 'kekangan pengoptimuman'. Kekangan mutlak merujuk kepada batasan-batasan yang, jika tidak diendahkan, jujukan pemasangan tidak dapat dihasilkan segera. Sebaliknya, kekangan pengoptimuman adalah batasan-batasan yang mempercepatkan kualiti jujukan pemasangan apabila ia tidak diendahkan.

Dalam konteks ASP, kekangan mutlak yang biasanya dipertimbangkan termasuklah keutamaan dan kekangan geometri. Kekangan keutamaan menunjukkan perhubungan komponen pendahuluan dan pengganti untuk proses pemasangan. Kekangan keutamaan perlu diselesaikan. Jika tidak, jujukan pemasangan yang tidak tepat akan dihasilkan. Kekangan keutamaan boleh diwakili dalam Rajah utama (*Precedence Diagram – PD*) atau dalam bentuk matriks. Jadual 2.1 menunjukkan matrik utama

(Precedence Matrix – PM). Dalam matrik ini, apabila bahagian  $a$  mesti dipasang selepas bahagian  $b$ ,  $P(a,b) = 1$ . Jika tidak, matrik akan dibiarkan kosong.



Rajah 2.2 PD bagi pemasangan

Jadual 2.1 PM bagi Rajah 2.2

Komponen $a$	Komponen $b$			
	5	2	3	4
5	0	0	0	0
2	1	0	0	0
3	1	0	0	0
4	1	1	1	0

Dalam masa yang sama, kekangan geometri dalam perhimpunan terikat dengan menggabungkan komponen-komponen tanpa perlanggaran. Apabila memadankan dua komponen, pasti akan ada sekurang-kurangnya satu trajektori yang bebas perlanggaran yang membenarkan pemasangan. Semua jujukan pemasangan yang sah mesti memenuhi kekangan geometri untuk struktur tertentu. Chen dan Liu Chen SF, Liu YJ (2001) menggunakan matrik untuk menggambarkan kekangan geometri antara komponen dalam pemasangan. Bagi setiap pasangan komponen  $(P_a, P_b)$ , matrik akan merekod arah di mana  $P_a$  boleh dipasang dengan  $P_b$  tanpa perlanggaran. Kemudian, satu set arahan pemasangan yang sah, untuk setiap  $(P_a, P_b)$  ditakrifkan, sebagai petunjuk bergerak  $P_a$  dengan  $P_b$ , dirumuskan sebagai PM  $(P_a, P_b)$ . Ia mengira petunjuk bergerak untuk semua pasangan komponen dan menyimpan semua petunjuk bergerak dalam matrik PM.

Manakala, kekangan yang dikelaskan sebagai kekangan pengoptimuman adalah berkaitan dengan objektif pengoptimuman masalah. Kekangan yang diklasifikasikan dalam kategori ini termasuklah kekangan alat pemasangan, kekangan arah pemasangan dan kekangan kestabilan pemasangan.



Wang Y, Liu JH (2010) menggunakan matriks peralatan  $TM = [t_{ab}]_{n \times m}$  untuk mewakili kekangan peralatan. Di mana,  $n$  adalah bilangan komponen dan  $m$  adalah kuantiti peralatan praktikal untuk memasang komponen yang sepadan. Selepas jujukan pemasangan optimum atau yang hampir optimum dijana, peralatan yang sepadan juga disahkan dan pada masa yang sama, bilangan perubahan ( $n_i$ ) peralatan pemasangan boleh diperolehi.

Pada masa yang sama, kekangan arah pemasangan diwakilkan sebagai indeks penalti dalam Wang WP, Tseng HE (2009) Cao PB, Xiao RB (2007), dan Gao L, Qian W, Li X, Wang J (2010). Dalam kajian-kajian tersebut, apabila arah pemasangan berikutnya berbeza dengan arah semasa, satu penalti akan diberikan kepada jujukan pemasangan tertentu itu.

Kekangan kestabilan ditakrifkan oleh Sinanoglu C, Boklu HR (2005) apabila komponen pemasangan mengekalkan kedudukan relatif dan ia tidak memecahkan hubungan semasa operasi pemasangan. Wang Y, Liu JH (2010) mengkategorikan kestabilan yang diperkukuhkan oleh penyambung perhimpunan ke dalam tiga peringkat mengikut kekuatan sambungan; sambungan yang kuat, lemah dan tidak stabil. Klasifikasi ini juga digunakan oleh Yu H, Yu J, Zhang W (2009). Dalam pendekatan ini, sambungan yang kuat akan diberikan indeks '0', indeks sambungan lemah '1' dan indeks sambungan '2' yang tidak stabil.

## 2.4 Objektif ASP

Sejak 10 tahun yang lalu, pelbagai objektif dan teknik pengkomputeran telah digunakan untuk mengoptimumkan masalah ASP. Objektif ASP yang paling popular adalah untuk meminimumkan jumlah perubahan arah pemasangan. Objektif ini dikaji dalam 29 daripada 39 kertas kajian untuk ASP. Untuk mencapai objektif ini, arah pemasangannya adalah di sepanjang tiga paksi utama ( $+x, -x; +y, -y; +z, -z$ ). Apabila arah komponen pemasangan seterusnya berbeza dengan arah semasa, penalti diberikan mengikut magnitud perubahan arah. Jujukan yang optimum adalah jujukan pemasangan yang dikenakan penalti paling minimum disebabkan perubahan arah.

Objektif ASP kedua yang paling popular adalah untuk mengurangkan jumlah pertukaran peralatan. Objektif ini telah dikaji dalam 21 kertas kerja kajian sebelum ini. Dalam proses pemasangan, masa pertukaran peralatan dianggap sebagai salah satu aktiviti yang tidak produktif dan mungkin mengambil masa yang banyak jika tidak diurus dengan baik. Dalam kes ini, apabila proses pemasangan seterusnya memerlukan peralatan yang berbeza dengan proses pemasangan semasa, penalti akan diberikan. Jujukan paling optimum adalah jujukan dengan penalti pertukaran peralatan yang paling minimum.


Selain kedua-dua objektif utama ini, objektif ASP untuk meminimumkan pertukaran cara pemasangan telah dikaji dalam 9 kertas kajian. Objektif ini mempertimbangkan perubahan ciri-ciri pemasangan fizikal seperti memadan pemasangan, menyelaras, mengawal, membalikkan dan sebagainya.

Di tempat yang seterusnya, empat objektif ASP berkongsi kedudukan yang sama dengan masing-masing dikaji dalam 4 kertas kajian. Objektif ini adalah untuk meminimumkan kerumitan pemasangan, meminimumkan persamaan penyambung, memaksimumkan kestabilan pemasangan dan meminimumkan penalti kekangan geometri. Dalam ASP, beberapa kajian mendapati bahawa kekangan geometri adalah sekatan wajib. Apabila jujukan pemasangan yang terhasil tidak sepadan dengan kekangan geometri, jujukan pemasangan tidak akan dinilai. Oleh itu, atribut ini tidak dimasukkan sebagai objektif. Walau bagaimanapun, dalam beberapa kajian terhadap ASP seperti Yu H, Yu J, Zhang W (2009), Li JR, Khoo LP, Tor SB (2003), Marian RM, Luong LHS, Abhary K (2006), dan Xing Y, Wang Y, Zhao X (2010), kekangan geometri diisytiharkan sebagai satu objektif ASP. Apabila geometri pemasangan tidak dapat diselesaikan, indeks penalti yang besar akan diberikan kepada fungsi kecergasan. Oleh itu, jujukan yang tidak boleh difahami tidak akan muncul sebagai jujukan pemasangan optimum dalam keputusan akhir.

Rajah 2.3 menunjukkan bahawa tiga objektif ASP yang paling jarang digunakan dalam kertas kajian adalah objektif untuk meminimumkan kos pemasangan, masa pemasangan dan jarak perjalanan peralatan pemasangan. Dalam konteks ASP, matlamat untuk meminimumkan masa pemasangan adalah sesuai untuk digunakan dalam situasi sebenar pemasangan. Sementara itu, objektif untuk meminimumkan jarak perjalanan

peralatan pemasangan adalah berkaitan dengan pemasangan Papan Litar Bercetak yang melibatkan sistem robotik dan penggera.

Perlu diingat bahawa lebih 50% daripada kajian ASP menggunakan teknik pengoptimuman berbilang-objektif yang menggunakan lebih daripada satu objektif dalam kajian mereka. Maka dalam Rajah 2.3, jumlah kekerapan objektif ASP adalah melebihi jumlah kertas kajian ASP. Butiran mengenai maklumat ini boleh didapati dalam Jadual 2.2.



Rajah 2.3 Kekerapan objektif ASP seperti yang diterbitkan dalam kertas kajian

Sumber: Rashid, MFF (2012)


Jadual 2.2 Ringkasan kajian ASP menggunakan kaedah pengkomputeran (2000-2016)

Kaedah	Rujukan	Objektif ASP												
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13
GA	(Chen RS, 2002)	x										x	x	
	(Tseng HE, 2006)	x												x
	(DeLit P, 2001)		x					x		x				
	(Choi YK, 2009)									x				
	(Wang WP, 2009)	x	x		x		x							
	(Chen, 2001)		x											
	(Lazzerini B, 2000)	x	x	x										
	(Guan Q, 2002)	x	x	x										
	(Moon DS, 2007)	x	x											
	(Marian RM, 2006)		x	x						x				
	(Smith SSF, 2001)		x											
	(Smith GC, 2002)		x											
	(Smith SSF, 2004)		x											
	(Tseng HE, 2004)	x	x		x		x							
	(Bai YW, 2005)	x	x											
	(Lu C, 2005)	x	x	x										
	(Udeshi T, 2005)						x							
	(Pan C, 2006)		x											
	(Tseng HE, 2008)	x	x											x
	(Tseng YJ, 2010)	x							x		x			
(Zhou W, 2010)	x	x												
ACO	(Wang JF, 2005)	x												
	(Shuang B, 2008)				x									
PSO	(Lv H, 2010)	x	x	x										
	(Wang Y, 2010)	x	x					x						
	(Yu H, 2009)		x					x	x					
	(Xing Y, 2010)								x					
	(Lv HG, 2010)	x	x	x										
	(Shan H, 2006)												x	
	(Li SX, 2008)												x	
	(Ibrahim I, 2016)												x	
	SA	(Chang CC, 2009)	x	x	x									
GSA	(Cao PB, 2007)										x			
	(Shan H, 2009)										x			
	(Ibrahim I, 2016)										x			

Jadual 2.2 Sambungan.

Kaedah	Rujukan	Objektif ASP												
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13
GSAA	(Hui c, 2009)	x	x	x										
MA	Li JR, 2003)	x	x				x							
	(Su Q, 2009)	x	x				x							
IA	(Chen RS, 2002)	x	x											
PSOSA	(Tseng HE, 2006)	x	x	x										
GSACO	(DeLit P, 2001)				x									

GA (*Genetic Algorithm* - algoritma genetik), ACO (*Ant Colony Optimization* - pengoptimuman koloni semut), PSO (*Particle Swarm Optimization* – pengoptimuman kerumunan zarah), SA (*Simulated Annealing* - penyepuhlindungan diselakukan), GSAA (*combination GA and SA* - kombinasi GA dan SA), GSA (*Gravitational Search Algorithm* - algoritma carian graviti), MA (*Memetic Algorithm* - algoritma pemikiran), IA (*Immune Algorithm* - algoritma imun), PSOSA (*combination PSO and SA* - kombinasi PSO dan SA), GSACO (*combination GA, SA and ACO* - kombinasi GA, SA dan ACO), 1 meminimumkan pertukaran peralatan, 2 meminimumkan perubahan arah pemasangan, 3 meminimumkan pertukaran jenis pemasangan, 4 meminimumkan kerumitan pemasangan, 5 meminimumkan jarak perjalanan alat pemasangan, 6 mengurangkan persamaan penyambung, 7 memaksimumkan kestabilan pemasangan, 8 kekangan geometri, 9 meminimumkan kos pemasangan, 10 meminimumkan masa pemasangan, 11 meminimumkan masa kitaran, 12 memaksimumkan kelancaran beban kerja, 13 meminimumkan bilangan stesen kerja.



Rajah 2.4 Algoritma metaheuristik untuk ASP

## 2.5 ASP untuk Mengurangkan Masa Pemasangan

Untuk meningkatkan produktiviti keseluruhan pengeluaran, pendekatan yang digunakan untuk ASP boleh dikategorikan kepada empat kumpulan, iaitu:

1. **Perwakilan berasaskan grafik.** Dalam perwakilan ini, sumber data berasal dari pengguna atau sistem reka bantu komputer (*Computer-Aided Design - CAD*). Dengan menggunakan pendekatan ini, banyak maklumat analisis pemasangan boleh ditentukan. Mello dan Sanderson (1990) dan Zhang, (1989) mengemukakan kaedah-kaedah perwakilan berasaskan graf berdasarkan kepada DAN / ATAU dan graf yang diarahkan. Lee dan Shin (1990), Moore et al. (2001) dan Zha (2000) mencadangkan kaedah perwakilan berasaskan graf berdasarkan Petri.Lingual representation.
2. **Perwakilan bahasa.** Perwakilan ini menggunakan bahasa khas untuk mewakili sub-pemasangan, komponen dan hubungan antara komponen-komponen. Contoh pendekatan yang melibatkan perwakilan ini adalah bahasa penerangan bahagian dan perhimpunan (*Part and Assembly Description Language - PADL*), sistem pemasangan bahagian automatik (*Automated Parts Assembly System - AUTOPASS*) dan pemproses rekaan geometri (*Geometric design processor - GDP*) (Mello & Sanderson, 1990).
3. **Perwakilan senarai diperintahkan.** Jenis perwakilan ini boleh dikategorikan sebagai senarai peranan tugas yang diperintahkan, vektor binari, sekatan set alat dan sambungan. Garrod (1989) mewakili setiap jujukan pemasangan dalam bentuk set senarai.
4. **Perwakilan berdasarkan meta-heuristik.** Pendekatan ini tidak terhad kepada kaedah berasaskan peraturan (Chakrabarty & Wolter, 1997), pencarian heuristik (Hong & Cho, 1995), rangkaian saraf (Chen, Tai, Deng, & Hsieh, 2008 dan Hsin-Hao et al., 2000), algoritma genetik (Bonnevillle, Perrard, & Henrioud, 1995; Choi et al., 2008; Lit et al., 2010; Lu et al., 2006; Marian et al., 2003; Tseng et al., Dan Zhou et al., 2010), penyepuhlindapan diselakukan (SA) (Milner, Graves, & Whitney, 1994 dan Motavalli & Islam, 1997), Pengoptimuman koloni semut (ACO) (Wang, Liu, Mao, & Fei, 2004), algoritma memetik (Gao, Qian, Li, & Wang, 2009), Pengoptimuman kerumunan zarah (PSO) (Guo, Li, Mileham, &

Owen, 2009; Mukred et al., 2012 dan Tseng et al. dan kaedah hibrid (Hui, Yuan, & Kai-fu, 2008 dan Li et al., 2013).

Pelaksanaan metaheuristik dalam menyelesaikan masalah pengoptimuman diskret, terutamanya dalam masalah ASP, membawa kepada pengurangan ketara dalam masa pengiraan, yang seterusnya memberi jaminan dalam mencari penyelesaian optimum yang tepat (Blum dan Roli, 2013; Talbi, 2009). Walau bagaimanapun, pendekatan ini biasanya mencapai prestasi yang boleh diterima pada kos yang boleh diterima dalam sebilangan besar jujukan pemasangan yang mungkin. Oleh itu, pendekatan ini mempunyai keupayaan untuk mencari penyelesaian yang baik untuk masalah-masalah bersaiz besar.

Untuk membangunkan sistem yang menangani ASP dengan bantuan sistem komputer, terdapat beberapa isu yang perlu diambil kira: jika terdapat sifat sambungan dalam struktur bagi komponen-komponen dan / atau sub-pemasangan yang digunakan dalam sistem pemasangan, berapakah bilangan teoretikal dari sambungan yang berbeza, dan akhirnya pemilihan jujukan pemasangan optimum dan layak daripada pelbagai alternatif.

## **2.6 Model Matematik**

Salah satu objektif utama ASP adalah untuk menjana jujukan pemasangan yang optimum dan layak di mana ia akan mengambil masa minimum untuk memasang, seterusnya mengurangkan kos pemasangan. Faktor yang paling penting dalam mengurangkan masa dan kos pemasangan termasuklah waktu persediaan yang merangkumi masa pemindahan, jumlah kekerapan pertukaran peralatan dan pemilihan ciri-ciri yang sesuai.

Dalam kajian ini, andaian untuk ASP termasuk;

1. Masa persediaan dan masa pemasangan sebenar bagi setiap bahagian dan komponen telah diberikan.
2. Masa pemindahan antara stesen kerja dimasukkan ke dalam masa persediaan.
3. Masa tergendala bagi mesin dan stesen kerja boleh diabaikan.



Masa pemasangan keseluruhan yang dikira dari mesin untuk memasang banyak komponen untuk menjadi produk akhir homogen adalah gabungan dari masa persediaan dan masa pemasangan sebenar. Adalah diandaikan bahawa tanpa mengira jujukan pemasangan, masa pemasangan sebenarnya adalah malar, dan peralatan dan persediaan yang sesuai untuk setiap komponen untuk dipasang diperlukan. Kedua-dua faktor bergantung kepada geometri komponen itu sendiri dan komponen dipasang sehingga siap. Masa persediaan untuk komponen boleh diramalkan menggunakan Persamaan (2.1) dimana  $a$  adalah komponen yang akan dipasang;  $P_{a0}$  ialah masa persediaan dengan komponen  $a$  menjadi komponen pertama dipasang;  $P_{ab}$  adalah penyumbang kepada masa persediaan kerana kehadiran komponen  $b$  apabila memasuki komponen  $a$ ; dan nilai  $q_{ab} = 1$  jika komponen  $b$  telah dipasang pada  $a$ . Manakala,  $q_{ab} = 0$  jika komponen  $b$  gagal dipasang pada  $a$ . Nilai  $a = 1, 2, \dots, c$ , di mana  $c$  merupakan bilangan komponen dalam masalah ASP tersebut.

$$Time_{Setup}(a) = p_{a0} + \sum_{b=1}^c p_{ab} q_{ab} \quad (2.1)$$

